KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	26/11/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	45
JABATAN	:	TNB			

TNB raih untung bersih RM1.003b

Pendapatan suku ketiga melonjak kepada RM12.98 bilion

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Tenaga Nasional Bhd (TNB) mencatat untung bersih RM1.003 bilion pada suku ketiga berakhir 30 September 2021, menyusut sedikit daripada RM1.009 bilion pada suku sama tahun lalu.

Pendapatan untuk suku dikaji bagaimanapun melonjak kepada RM12.98 bilion berbanding RM11.11 bilion pada tahun sebelumnya.

Bagi prestasi sembilan bulan pertamanya untuk tahun kewangan 2021, TNB merekodkan pendapatan RM36.9 bilion, naik 9.6 peratus daripada RM33.7 bilion pada tempoh sama tahun lalu manakala untung bersihnya pula adalah sebanyak RM2.9 bilion untuk tempoh dikaji.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Baharin Din, berkata pihaknya merekodkan satu lagi tempoh prestasi berdaya tahan terutama didorong daripada aktiviti ekonomi yang bertambah baik.

Bagaimanapun katanya, pihaknya menyaksikan penguncupan sebanyak 6.7 peratus daripada jualan elektrik pada suku ketiga berbanding suku sebelumnya, kesan daripada dinamik peralihan yang disebabkan oleh wabak yang berterusan, dan akan terus bersiap sedia untuk menghadapi ketidaktentuan yang berlaku di hadapan.

"Kami melihat terdapat potensi ruang untuk pertumbuhan. Sebagai penjaga kepada infrastruktur kuasa kritikal negara, mengekalkan pulangan yang munasabah adalah penting bagi TNB untuk mengimbangi penciptaan nilai bagi pemegang saham kami dan melabur semula ke dalam sistem untuk memastikan bekalan kuasa yang boleh dipercayai dan terjamin.

"Peningkatan dalam permintaan dijangka bertambah baik pada bulan-bulan akan datang dan tahun depan apabila lebih banyak aktiviti ekonomi dibuka untuk perniagaan.



Baharin Din

"TNB juga akan terus bekerjasama dengan kerajaan dalam pelbagai bidang untuk menyokong pemulihan ekonomi negara. Ini termasuk inisiatif kesan pengganda melalui program biasiswa kami yang berterusan, program pembangunan vendor serta program kemahiran semula yang intensif untuk melatih pekerja," katanya dalam kenyataan, semalam.

Tambah Baharin, TNB baru-baru ini mewujudkan Bahagian Tenaga Baharu (NED) untuk memajukan komitmen perniagaan antarabangsa kumpulan untuk mengembangkan portfolio tenaga boleh diperbaharui (RE) syarikat dalam pasaran sasaran dan mewujudkan perkongsian strategik dengan pemain TBB terkemuka untuk memanfaatkan kepakaran teknikal mereka.

"NED pada asasnya menyelaraskan cabang pengembangan RE kami, memberikan kami tumpuan yang lebih tajam untuk mengembangkan portfolio RE kami di dalam dan di peringkat antarabangsa.

"Ini termasuk melihat peluang untuk membuat duit bagi aset dalam pasaran tidak berfokus supaya hasil boleh digunakan semula kepada aset yang mempunyai potensi penciptaan nilai yang lebih baik," katanya.

TENAGA NASIONAL BERHAD

PENGUMUMAN KEPUTUSAN KEWANGAN
IMBASAN KEPUTUSAN GABUNGAN BELUM DIAUDIT
BAGI SUKU KETIGA TAHUN KEWANGAN 2021
BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2021

	Tahun Kewangan 2021 berakhir 30 September 2021	Tahun Kewangan 2020 berakhir 30 September 2020
	RM 'Juta	RM 'Juta
HASIL	36,894.4	33,651.7
KEUNTUNGAN OPERASI	6,510.0	5,903.8
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	3,916.3	3,343.8
AGIHAN KEPADA PEMILIK SYARIKAT	2,784.0	2,380.8
	Sen	Sen
Pendapatan sesaham asas	48.72	41.81

PROSPEK

Untuk sembilan bulan pertama TK 2021, prestasi Kumpulan bertambah baik berbanding tempoh sama tahun kewangan yang lalu, walaupun menghadapi cabaran berterusan susulan pandemik Covid-19. Permintaan mula menunjukkan peningkatan, berkembang pada 0.6% berbanding penguncupan 6.2% dalam tempoh sama tahun kewangan yang lalu. Ini sejajar dengan peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sebanyak 3% dalam tempoh sembilan bulan pertama 2021.

*Bagi keseluruhan tahun 2021, negara berada di landasan untuk mencapai pertumbuhan KDNK antara 3% dan 4%. Pertumbuhan ini akan disokong oleh peningkatan dalam aktiviti ekonomi berikutan kelonggaran langkah-langkah pembendungan secara berperingkat sambil menyokong dasar yang berterusan. Pelbagai kelonggaran sekatan untuk individu yang sudah menerima vaksin lengkap, termasuk untuk perjalanan rentas negeri akan turut merangsang aktiviti berkaitan pelancongan. Di samping itu, permintaan global yang kukuh akan terus menyokong pertumbuhan eksport. **

Oleh itu, Kumpulan percaya bahawa peningkatan dalam ekonomi keseluruhan akan mendorong permintaan elektrik yang lebih tinggi dan menyokong momentum positif di seluruh operasi Kumpulan.

Di tengah-tengah perkembangan yang menggalakkan ini, Kumpulan meramalkan prestasi yang stabil untuk baki suku tahun kewangan. Begitupun, Kumpulan akan terus mengambil langkah berhemat dalam operasi dan kewangannya untuk memastikan ia kekal berdaya tahan.

**Laporan Suku Ketiga Bank Negara*

Keputusan penuh boleh didapati melalui laman web Bursa Malaysia, http://www.bursamalaysia.com/market/listed-companies/company-announcements/ dan di laman web Syarikat, http://www.tnb.com.my/investors-media/financial-info/quarterly-results.html.

TENAGA NASIONAL BERHAD
Headquarters, No. 129, Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur.
Tel: 603-2296 5566 Fax: 603-2282 1523

www.tnb.com.my

Bulan Bright